



20 FEB, 2024

Pengamal PT&K dikecualikan cukai perkhidmatan

Utusan Sarawak, Malaysia



Pengamal PT&K dikecualikan cukai perkhidmatan



DATUK Seri Amir Hamzah Azizan

PUTRAJAYA: Pengamal perubatan tradisional dan komplementari yang berdaftar di bawah Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) 2016 [Akta 775] akan dikecualikan daripada cukai perkhidmatan sebanyak lapan peratus, kata Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

"Selagi mereka berdaftar dengan akta di bawah Kementerian Kesihatan, mereka akan dikecualikan daripada cukai perkhidmatan yang akan berkuat kuasa pada 1 Mac 2024," katanya kepada Bernama dalam satu temubual khas semalam.

Sehubungan dengan keputusan itu, beliau berkata pengamal PT&K yang telah berdaftar

dengan akta tersebut tidak perlu berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan seterusnya tidak mengenakan cukai bagi perkhidmatan seperti perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional Cina, homeopati, kiropraktik, osteopati dan amalan pengubatan Islam.

"Kementerian Kewangan juga bersetuju supaya keputusan tersebut terpakai ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh pusat kesihatan atau kesejahteraan, rumah urut atau tempat yang seumpamanya yang dikendalikan oleh pengamal PT&K yang berdaftar dengan Akta 775 bagi perkhidmatan di atas untuk tempoh sebelum 1 Mac 2024,"

katanya.

Amir Hamzah berkata ini adalah susulan keputusan Kementerian Kewangan agar perkhidmatan disediakan oleh pusat kesihatan atau kesejahteraan, rumah urut atau tempat seumpamanya yang dikendalikan oleh pengamal PT&K berdaftar dengan akta tersebut tidak dikategorikan sebagai perkhidmatan bercukai berkuat kuasa mulai 1 Mac 2024.

"Maklum balas ini juga telah mengambil kira perbincangan daripada sesi libat urus bersama pihak berkepentingan industri PT&K," katanya.

Beliau berkata pengecualian cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan PT&K ini antara

usaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat sebagai mana yang ditekankan dalam konsep Malaysia MADANI dan diterapkan dalam kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat.

"Keputusan yang dipersetujui oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim ini adalah langkah untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat.

"Pada masa sama, Kerangka Ekonomi MADANI juga akan giat memperkasakan sektor perusahaan mikro, kecil dan

sedehana (PMKS) yang menggajikan hampir separuh tenaga kerja di Malaysia," katanya.

Amir Hamzah berkata kerajaan akur bahawa jauh lagi landasan untuk melebarkan sayap PMKS tempatan ke persada antarabangsa.

"Maka pengusaha tersebut memerlukan keberuntungan permintaan domestik untuk kemandirian perniagaan mereka buat masa ini, lebih-lebih lagi bagi PMKS yang menyediakan perkhidmatan kepada rakyat Malaysia," katanya. — Bernama



20 FEB, 2024

Pengamal PT&K dikecualikan cukai perkhidmatan

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

DATUK Seri Amir Hamzah Azizan

PUTRAJAYA: Pengamal perubatan tradisional dan komplementari yang berdaftar di bawah Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) 2016 [Akta 775] akan dikecualikan daripada cukai perkhidmatan sebanyak lapan peratus, kata Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan. "Selagi mereka berdaftar dengan akta di bawah Kementerian Kesihatan, mereka akan dikecualikan daripada cukai perkhidmatan yang akan berkuat kuasa pada 1 Mac 2024;," katanya kepada Bernama dalam satu temu bual khas semalam.